



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

HGW372E – GEOGRAPHY OF ASEAN AND ASIA PACIFIC

**TAJUK : HURAIKAN PERKAITAN SEJARAH, ETNIK, SOSIOBUDAYA,
EKONOMI DAN POLITIK DI ANTARA NEGARA ASEAN IAITU MALAYSIA -
SINGAPURA, SERTA BINCANGKAN KESAN PERKAITAN INI KEPADA
HUBUNGAN KERJASAMA DAN KONFLIK DI ANTARA KEDUA NEGARA
TERSEBUT PADA MASA KINI.**

DISEDIAKAN OLEH :

NUR AMEERA BINTI SALIM

NO. MATRIK :

136437

DISEDIAKAN UNTUK :

PROFESOR DR. SURIATI GHAZALI

TARIKH SERAHAN : 18 MEI 2020

PENGENALAN

Malaysia-Singapura merupakan dua buah negara yang sering menjalankan hubungan dua hala dan merupakan negara berjiran. Pada suatu ketika dahulu, Singapura merupakan sebahagian daripada Malaysia dan disebabkan berlakunya beberapa masalah, Singapura terpaksa dikeluarkan dari Malaysia serta membentuk sebuah negara yang dikenali sebagai Singapura. Hubungan Malaysia-Singapura sudah lama terjalin dari segi sejarah, etnik, sosiobudaya, ekonomi dan politik yang menjadikan dua buah negara ini terdapat konflik sehingga tercetusnya hubungan ‘pasang surut’ tetapi negara-negara ini saling memerlukan antara satu sama lain. Menurut Wan Syamsul Amly, Astro Awani (2019), walaupun Malaysia dan Singapura sering berdepan dengan pelbagai isu, namun dua buah negara ini mengetahui peranan masing-masing terutamanya dari segi hubungan diplomatik di antara satu sama lain dengan tidak mengeneipkan negara berjiran.

HUBUNGAN AWAL TANAH MELAYU ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA SEHINGGA 1963

Singapura mempunyai perkaitan dari segi sejarah, politik, geografi dan ekonomi adalah sebahagian daripada Semenanjung Tanah Melayu. Tambak Johor dan Laluan Kedua di Gelang Patah telah menghubungkan Singapura dan Malaysia. Perjanjian Malaysia ditandatangani di London pada 8 Julai 1963 antara kerajaan Britain, Singapura, Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Persetujuan antara negara-negara ini telah menukarkan nama Tanah Melayu kepada Malaysia. Negara Malaysia terbentuk pada 16 September 1963 dengan menjadikan Singapura, Sabah dan Sarawak berada di dalam taklukan Malaysia. keberadaan Singapura dalam Malaysia telah menimbulkan pelbagai isu perkauman sehingga membawa kepada perpisahan Singapura dari Malaysia pada 9 Ogos 1965. Singapura hanya berada di dalam Malaysia selama 23 bulan dan tempoh ini adalah hanya seketika. Hal ini demikian kerana semenjak kedatangan dan penjajahan British ke atas kepulauan rantau Melayu menyebabkan berlaku beberapa perubahan terhadap negara Malaysia. (Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad, 2018)

Pemisahan Singapura dari Malaysia terjadi disebabkan isu perkauman disebabkan komuniti yang berbilang kaum dengan pelbagai kebudayaan, kepercayaan, agama serta pegangan ideologi yang berbeza. Hal ini kerana pada suatu ketika dahulu Singapura pernah menimbulkan ketegangan politik dan rusuhan kaum yang membawa kepada konflik antara dua buah negara ini. Peristiwa Maria Hertogh atau dikenali sebagai Natrah memperlihatkan isu perkauman yang wujud dengan menimbulkan satu rusuhan besar. Peristiwa ini dianggap sebagai isu agama kerana telah mencabuli hal agama islam oleh pentadbir British. Peristiwa Maria Hertogh atau Natrah ini berkisahkan mengenai kisah cinta di antara dua insan yang telah menyatukan bangsa Melayu kepada agamanya sehingga telah mencetuskan rusuhan yang tragis apabila British ingin mengembalikan Maria Hertogh kepada ibu kandungannya. Lee Kuan Yew berkata bahawa pemisahan Singapura dari Malaysia merupakan satu usaha yang dapat mengurangkan masalah perkauman yang mungkin wujud dalam masyarakat Singapura pada ketika itu. (M Zulkifly , 1999)

SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MALAYSIA-SINGAPURA

Malaysia-Singapura mempunyai persamaan dari segi budaya, bahasa, adat, makanan dan juga etnik yang sama. Di Malaysia, kebanyakan penduduk terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India, Siam dan pelbagai etnik daripada Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan Singapura yang terdiri daripada pelbagai jenis bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Malaysia dan Singapura berkongsi bahasa perantaraan yang sama iaitu menggunakan bahasa Melayu yang merupakan bahasa utama dalam percakapan seharian. Hal ini demikian kerana, Singapura pada ketika dahulu merupakan sebahagian daripada Malaysia dan tidak hairanlah bahawa dua negara ASEAN ini menggunakan bahasa yang sama dan kebanyakan masyarakat Singapura juga terdiri daripada masyarakat Melayu.

Pada ratusan tahun dahulu, tanah Melayu atau sekarang dikenali sebagai Malaysia menjadi sebahagian laluan rempah antarabangsa dan menjadikan Malaysia negara pelbagai budaya. Malaysia mempunyai warisan budaya yang tersendiri dan menjadi daya tarikan pelancong asing. Malaysia sangat terkenal dengan seni bina tradisional yang menarik kerana penggunaan proses yang rumit dalam pembinaannya. Bagi masyarakat Melayu, rumah kebanyakan dibina mengikut keadaan tropika di mana struktur rumah dibina dengan tiang di atas tanah bagi membolehkan pengudaraan dan menyejukkan rumah dengan rekaan organik yang halus. Negeri Sembilan merupakan salah satu negeri yang masih mengamalkan dan mengekalkan tradisi Melayu tradisional di mana rumah tradisional Negeri Sembilan dibina sepenuhnya dengan kayu jati dan tidak menggunakan paku langsung sebaliknya menggunakan tanggam dan pasak yang membolehkan rumah tersebut dibuka dan dipasang semula tanpa merosakkan struktur dan seni bina tersebut.



Rumah Tradisional Negeri Sembilan

Sumber : Berita Harian Online

Selain itu, bagi seni bina masyarakat Cina pula terdiri daripada dua jenis iaitu tradisional dan Baba Nyonya. Contoh seni bina tradisional iaitu kuil yang merupakan tempat sembahyang bagi masyarakat Cina. Kebanyakan rumah lama terutamanya di Melaka dan Pulau Pinang adalah daripada warisan Baba Nyonya yang boleh dilihat daripada seni bina rumahnya iaitu dibina dengan halaman dalam rumah serta dihiasi jubin cantik dan warna warni.



Rumah Baba Nyonya di Pulau Pinang

Sumber : <http://www.pinangperanakanmansion.com.my/>

Dari segi tarian pula, Malaysia terkenal dengan pelbagai jenis tarian yang menarik. Hal ini kerana masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai budaya, agama dan etnik yang berbeza. Bagi masyarakat Melayu, tarian selalunya berbeza mengikut negeri masing-masing seperti tarian Zapin (Johor Bahru), Boria (Pulau Pinang), Tarian Makyong (Kelantan), tarian Kuda Kepang (Johor), tarian Sumazau (Kadazan Dusun) dan sebagainya. Tarian ini mempunyai maksudnya yang tersendiri serta budaya negeri tersebut. Bagi masyarakat Cina pula, tarian 'Singa' merupakan salah satu tarian yang sangat terkenal di Malaysia khususnya ketika perayaan Tahun Baru Cina. Tarian ini melambangkan budaya dan pegangan agama masyarakat Cina sendiri. Manakala bagi kaum India pula mereka mempunyai tarian tradisional yang tersendiri iaitu dikenali sebagai 'Shahtriya Devesh'. Istilah ini bermaksud payung untuk pelbagai seni persembahan yang berakar dalam gaya teater musical Hindu dengan dipraktikkan dengan teks Sanskrit Natya Shastra. Sabah dan Sarawak juga mempunyai pelbagai jenis tarian mengikut etnik masing-masing. Tarian yang selalu didengar dan popular di Sabah adalah tarian 'sumazau' di mana merupakan perayaan Tadau Keamatan yang diraikan oleh masyarakat Kadazan di Sabah pada bulan Mei setiap tahun setelah selesai musim menuai padi.



Tarian Makyong (Kelantan)

Sumber : Jabatan Kebudayaan dan Kesenian



Tarian Boria (Pulau Pinang)

Sumber : Jabatan Kebudayaan dan Kesenian



Tarian Zapin (Johor Bahru)

Sumber : Yayasan Warisan Johor



Tarian Kuda Kepang (Johor Bahru)

Sumber : Berita Harian Online



Tarian Sumazau (Kadazan Dusun, Sabah)


Sumber : Google Image

Singapura dan Malaysia mempunyai persamaan dari segi pakaian tradisional melayu, cina dan juga India. Kedua-dua buah negara ini masih mengekalkan adat tradisi iaitu bagi kaum melayu, baju kurung dan baju melayu merupakan pakaian yang sering dipakai ketika perayaan iaitu 'Hari Raya' dan juga majlis-majlis seperti kenduri, majlis rasmi dan sebagainya. Rakyat Singapura bagi agama Islam atau kaum melayu sangat popular dipakai oleh kaum lelaki dan perempuan . Bagi masyarakat Cina pula, baju tradisional yang sering dipakai ialah 'Ceongsam' dan 'Baju Kebaya' bagi masyarakat baba nyonya. Pakaian ini kebiasaannya di pakai semasa perayaan Tahun Baru Cina atau majlis seperti sembahyang bagi masyarakat Cina. Masyarakat India yang terdapat di Malaysia dan Singapura juga mempunyai budaya atau pakaian tradisional yang hampir sama iaitu 'Sari' bagi perempuan manakala 'Dhoti' merupakan baju yang dipakai oleh lelaki. Kebiasaanya baju tradisional India ini dipakai semasa hari perayaan 'Deepavali' atau majlis perkahwinan sahaja kerana generasi muda hari ini tidak berminat dengan pakaian tersebut. Namun, Malaysia terdapat dua lagi negeri yang mempunyai etnik yang pelbagai iaitu etnik Sabah dan Sarawak yang mempunyai pakaian tradisional yang sangat unik dan pelbagai corak dan bentuk.



Baju Melayu dan Baju Kurung, Pakaian Tradisional Melayu

Sumber : Google Image



Cheongsam, Pakaian Tradisional Cina

Sumber : Google Image



‘Sari atau Dhoti’, Pakaian Tradisional India

Sumber : Google Image

Singapura juga mempunyai sosiobudaya yang hampir sama dengan Malaysia dari segi cita rasa makanan. Singapura mempunyai makanan yang khas di mana menjadi kegemaran rakyat Singapura. Laksa juga merupakan salah satu makanan khas Singapura kerana masakan laksa ini berisi mee, udang, kerang,bergedel ikan dan taugé serta kuah kari yang lemak dan pedas yang mana sedikit berbeza dengan masakan laksa yang terdapat di Malaysia. Selain itu, Nasi Ayam Hainan juga dikatakan merupakan makanan khas Singapura dan juga berasal daripada Singapura. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi makanan, Singapura – Malaysia juga berkongsi makanan yang sama seperti Nasi Lemak, Ais Kacang, Kari Kepala Ikan dan banyak lagi.



Laksa Singapura

Sumber : <https://www.visitsingapore.com/>



Nasi Ayam Hainan

Sumber : <https://www.visitsingapore.com/>

HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA-SINGAPURA

Malaysia-Singapura merupakan negara berjiran walaupun telah berpisah antara dua buah negara, namun dua negara ini masih berupaya untuk bekerjasama dan menolong antara satu sama lain. Singapura mempunyai merupakan negara pelabuhan yang terkenal dari segi perdagangan di mana negara Singapura merupakan negara pengimport dan pengeksport yang terkenal. Kejayaan dan kekayaan Singapura juga merupakan hasil kerjasama ekonomi dengan Malaysia sejak dahulu lagi. Sewaktu Singapura baru mencapai kemerdekaan, mereka mengalami masalah kekurangan penduduk dan mereka terpaksa memaksimumkan tenaga untuk mendapatkan keuntungan. Kekurangan bahan mentah seperti hasil-hasil pertanian, sumber air bersih menyebabkan mereka memerlukan bantuan daripada Malaysia kerana pertanian di Malaysia adalah sumber ekonomi utama mereka pada ketika itu. Malaysia juga merupakan negara yang menyalurkan sumber air kepada Singapura disebabkan Singapura kekurangan sumber bekalan air bersih. Kira-kira 50 peratus daripada keperluan sumber air Singapura untuk keperluan domestik adalah dari Malaysia. Namun, hubungan bilateral Malaysia-Singapura ini sering dilanda masalah disebabkan krisis air ini. Walau bagaimanapun, Singapura juga pernah membantu Malaysia dalam krisis kewangan yang pernah dialami di mana Singapura telah menghulurkan sumbangan kepada Malaysia dalam menangani krisis ini. Malaysia bergantung kepada Singapura dalam aktiviti eksport dan import disebabkan negara Singapura merupakan negara pelabuhan yang terhebat standing dengan negara ternama yang lain. Malaysia dan Singapura sudah lama menjalinkan hubungan dan hal ini perlu dikekalkan sebagai negara jiran terdekat dan juga rakan ASEAN. Dua buah negara ini perlu mengekalkan kerjasama yang erat dalam pelbagai sektor termasuklah sektor perdagangan dan pelaburan.

HUBUNGAN SEJARAH, SOSIOBUDAYA, ETNIK, POLITIK DAN EKONOMI TELAH MEMBAWA KEPADA KERJASAMA DAN KONFLIK ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA

Hubungan yang telah lama terjalin antara Malaysia dan Singapura dari segi sejarah, sosiobudaya, etnik, politik dan juga ekonomi telah membawa kepada satu kerjasama antara dua buah negara ini. Semasa pentadbiran negara di bawah Perdana Menteri yang ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir, beliau telah menerima kedatangan Perdana Menteri Singapura iaitu Lee Hsien Loong di mana Singapura sangat berharap dapat bekerjasama dengan baik dengan Malaysia bagi meningkatkan hubungan dua hala ini. Dua buah negara ini mempunyai kata sepakat untuk bekerjasama menangani cabaran yang berlaku walaupun kepentingan adalah berbeza. Hubungan dua hala ini telah membawa kepada kerjasama dalam sebuah projek antara Malaysia dan Singapura iaitu projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) dan juga Rangkaian RTS (Rail Transit System) ke Johor. Malaysia-Singapura menjalankan rundingan dengan teliti bagi memastikan kejayaan projek tersebut memandangkan projek tersebut memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Di samping itu, Malaysia dan Singapura juga bekerjasama dalam usaha untuk mempertingkatkan bidang pelancongan, pendidikan dan juga alam sekitar ke arah yang lebih baik. Singapura dan Malaysia cuba untuk bekerjasama dalam mempromosikan negara sebagai sebuah destinasi pelancongan yang utama serta dipromosikan kepada seluruh negara. Malaysia juga berhasrat untuk bekerjasama dengan lebih rapat dengan Singapura dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional. Hal ini demikian kerana, Singapura mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ini dan kerjasama yang wujud ini akan memantapkan lagi system pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia. Di samping itu, menurut Berita Harian, 20 Februari 2020, dari segi keselamatan Malaysia dan Singapura mempertingkatkan kerjasama dalam mengawal pergerakan rakyat yang keluar masuk negara bagi mengelakkan jangkitan virus Covid-19 yang dialami oleh seluruh negara pada masa kini. Kerjasama ini dijalankan di Tambak Johor bagi mengawal pergerakan manusia dan kenderaan yang tinggi. Dua buah negara ini juga bekerjasama untuk menghadkan kadar kemasukan pelancong dan hal ini diambil dengan serius oleh kedua-dua pihak.

Namun, hubungan yang terjalin ini juga telah banyak menimbulkan pelbagai konflik terutamanya krisis air yang sudah lama wujud dan telah membawa kepada perjanjian air 1962. Walaupun Malaysia dan Singapura menerima purata hujan sebanyak 2000mm setahun,

namun dua buah negara ini mengalami bekalan sumber air yang tidak mencukupi terutamanya Singapura. Oleh itu, Singapura perlu mengadakan kerjasama dengan Malaysia untuk mendapatkan sumber air yang bersih dan terawat. Namun, sejak kebelakangan ini krisis air antara Malaysia dan Singapura timbul kembali dan mendapati bahawa Menteri Luar Singapura tidak menggambarkan persefahaman yang telah dicapai oleh kedua-dua pihak sebelum ini. Menteri Singapura malah mengkritik dan memberi beberapa tuduhan terhadap Malaysia yang menyatakan bahawa Malaysia tidak menghormati perjanjian 1962 dan juga menyatakan Malaysia tidak mempunyai hak untuk menyemak semula perjanjian tersebut. Oleh hal yang demikian, Malaysia menyangkal tuduhan ini dan menyatakan mereka berhak untuk membuat semakan harga air mentah yang dijual kepada Singapura selepas 25 tahun perjanjian itu berkuatkuasa. Hal ini kerana, sumber air datangnye daripada Malaysia dan ini merupakan hak Malaysia yang tidak boleh dipertikaikan. Menurut Berita Sinar Harian, 7 Februari 2020, Malaysia akan mengambil keputusan yang drastik jika Singapura masih tidak memberi keputusan atas kerjasama yang dibuat antara mereka. Pihak kerajaan Malaysia menyatakan bahawa mereka tidak lagi menjual air kepada Singapura selepas perjanjian air tamat pada 2061. Isu ini telah menimbulkan konflik di antara Malaysia-Singapura kerana tiada persefahaman dan persetujuan yang baik di antara kedua-dua pihak.

Selain itu, Malaysia dan Singapura juga mempunyai konflik dalam mempertahankan wilayah kedaulatannya. Menurut Azlie Ismail dan Geetha Govindasamy (2019) menyatakan bahawa aspek kedaulatan dilihat melalui penglibatan Malaysia dalam konflik pertikaian wilayah yang telah melibatkan beberapa buah negara seperti Filipina, Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand. Bagi konflik di antara Malaysia dengan Singapura iaitu pemilikan ke atas Pedra Branca yang juga dikenali sebagai Pulau Batu Puteh. Konflik wilayah berhubung hak dan perebutan ini berlaku pada awal tahun 1890-an apabila Singapura telah menyuarakan bantahan rasmi kepada Kuala Lumpur terhadap peta Malaysia yang telah diterbitkan pada 21 Disember 1979. Berdasarkan peta Malaysia tersebut, wilayah Pedra Branca dianggap sebagai sebahagian daripada wilayah Malaysia.



Peta 1 : Wilayah Pedra Branca

Sumber : Artikel daripada <http://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/24882>. Dicapai pada 4 April 2020

Keunikan dan ciri-ciri geografi Pulau Batu Puteh atau Pedra Branca adalah menarik kerana pulau ini merupakan sebuah pulau granit yang terletak di bahagian Timur Selat Singapura. Menurut Azlie Ismail dan Geetha Govindasamy (2019), Malaysia juga turut membuat pernyataan bahawa Batuan Tengah(Middle Rocks) dan Tubir Selatan(South Ledge) merupakan sebahagian daripada wilayah Malaysia. Di mana Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan merupakan hak dan kedaulatan bagi Kesultanan Johor pada ketika dahulu. Malaysia merupakan pemilik sah Pulau Batu Puteh kerana Pedra Branca terletak di bawah bidang kekuasaan Kesultanan Johor dan Singapura hanya berperanan sebagai negara yang menaik taraf dan menjaga Pedra Branca sahaja.

Malaysia telah membuktikan pemilikan hak terhadap Pedra Branca dengan mengaplikasikan aspek sejarah di mana Pulau Batu Puteh telah diadakan di Johor Bahru pada Oktober 1991 yang dihadiri oleh ahli-ahli sejarah yang lain. Kesultanan Johor-Riau Linggi ditubuhkan oleh Sultan Mahmud di mana sultan cuba untuk mendapatkan hak dan kedaulatan terhadap Pulau Batu Puteh. Hal ini telah membuktikan bahawa Pulau Batu Puteh adalah milik Malaysia kerana penyatuan Johor adalah sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu

1957. Singapura sangat tidak berpuas hati dengan tindakan Malaysia yang cuba menjadikan Pedra Branca sebagai hak milik Malaysia. Oleh itu, satu keputusan telah dibuat oleh International Court of Justice (ICJ) pada 2008 yang menjelaskan hak milikan ke atas Pedra Branca, Middle Rocks dan South Legde. Keputusan yang dibuat telah memihak kepada Singapura di mana Pedra Branca kepunyaan Singapura dan Middle Rocks adalah milik Malaysia. Hal ini disebabkan tiada tindakan bantahan daripada Johor dan berdiam diri terhadap aktiviti yang dilakukan Singapura di Pedra Branca disebabkan faktor penjajahan oleh pihak British. Manakala isu hak South Ledge masih tidak lagi diketahui sampai ke hari ini kerana tidak mendapat persetujuan sempadan maritime yang wujud berhubung kriteria yang terdapat pada South Ledge.

KESIMPULAN

Malaysia dan Singapura merupakan antara dua buah negara ASEAN yang sehingga kini menjalankan hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang. Peristiwa 9 Ogos 1965 kekal menjadi sejarah di antara dua buah negara dan pembinaan negara bangsa demi kepentingan negara masing-masing tetap diteruskan. Tidak hairanlah jika Malaysia-Singapura mempunyai persamaan yang sama dari segi sosiobudaya iaitu bahasa, makanan, perayaan, etnik dan sebagainya kerana Singapura pernah menjadi sebahagian daripada Malaysia. Kerjasama ekonomi dan politik juga telah membawa dua buah negara ini menjadi tumpuan dunia dari segi perdagangan iaitu eksport dan import, pelancongan, pendidikan dan sebagainya. Namun, kerjasama yang dijalinkan dua buah negara ini tidak lari daripada mengalami masalah konflik antara satu sama lain. Konflik yang berlaku antara Malaysia dan Singapura merupakan konflik yang agak berat untuk ditangani kerana hal ini melibatkan isu air. Kita sedia maklum bahawa Malaysia juga mengalami isu kekurangan air dan mereka perlu membuat keputusan yang bijak dalam meletakkan harga kepada Singapura seperti dalam Perjanjian Air 1962. Walau bagaimanapun, setiap konflik yang timbul di antara dua buah negara ini perlulah ditangani dengan baik bagi mengekalkan kerjasama sebagai sebuah negara ASEAN.

BIBLIOGRAFI

Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohammed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad. (2018). *Impak Pemajmukan dalam Hubungan Malaysia-Singapura Pasca Pembentukan Malaysia*. Retrieved April 17, 2020, from www.msocialsciences.com

Azlie Ismail & Geetha Govindasamy. (April, 2019). *Tuntutan Undang-Undang dan Pendekatan Malaysia di dalam Kes Pulau Ligitan, Pulau Sipadan dan Pedra Branca*. Retrieved April 4, 2020, from <http://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/24882>

Bername. (Ogos 20, 2018). Kerjasama Singapura, Malaysia untuk tingkat hubungan dua hala. *Astro Awani Online*. Retrieved April 26, 2020, from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerjasama-singapura-malaysia-untuk-tingkat-hubungan-dua-hala-183441>

Berita Harian. (Februari 20, 2020). Malaysia, Singapura tingkatkan kerjasama di Tambak Johor, tangani Covid-19. *Berita Harian Online*. Retrieved April 28, 2020, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/657616/malaysia-singapura-tingkat-kerjasama-di-tambak-johor-tangani-covid-19>

Candra. (2019). *10 khas makanan Singapura yang halal*. Retrieved April 26, 2020, from <https://makananoleholeh.com/makanan-khas-singapura/>

Che Mat A. (1998). *Sejarah Hubungan Malaysia dan Singapura*. Retrieved April 17, 2020, from <http://studentsrepo.um.edu.my/1002/6/BAB5.pdf>

Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara. Retrieved April 26, 2020, from <http://www.jkkn.gov.my/ms>

Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia. (2020). Retrieved April 27, 2020, from <https://www.malaysia.travel/ms-my/my/about-malaysia/culture-n-heritage/architecture>

Ridauddin Daud. (Februari 7, 2020). Krisis bekalan air : Kaji semula perjanjian lapuk. *Sinar Harian Online*. Retrieved April 27, 2020, from <https://www.sinarharian.com.my/article/69118/LAPORAN-KHAS/Krisis-bekalan-air-Kaji-semula-perjanjian-lapuk>

Wan Syamsul Amly. (2019, Januari 17). Hubungan pasang surut Malaysia-Singapura, hakikatnya saling memerlukan. *Astro Awani Online*. Retrieved April 25, 2020, from

astroawani.com/berita-malaysia/hubungan-pasang-surut-malaysia-singapura-hakikatnya-saling-memerlukan-penganalisis-196201www.

Yayasan Warisan Johor. (2018). Retrieved April 27, 2020, from <https://www.ywj.gov.my/>

Zainuddin TD. (2010). *Natrah @ Nadra @ Huberdina Maria Hertogh @ Bertha : cinta, rusuhan, air mata (kulit keras)*. Retrieved April 13, 2020, from http://eprints.utm.my/id/eprint/30125/1/FatiniYaacob2010_NatrahNadraHuberdinaMariaHertogh%28KulitKeras%29.pdf

Zulkifly.M. (1999). *Latar Belakang dan Pengasasan Singapura*. Retrieved April 13, 2020, from <http://studentsrepo.um.edu.my/449/3/BAB2.pdf>